

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Sunday, November 25, 2018 2:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Koreografer UUM Bersara



(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

25 NOVEMBER 2018, AHAD | 17 RABIULAWAL 1440H



HEP: Artis Budaya Kanan Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) Jamil Mat bersara dengan penuh bergaya apabila majlis persaraannya diraikan oleh PBS pada 21 November baru-baru ini di Dewan Budi Siswa.

Jamil Mat yang juga dikenali sebagai Koreografer tarian UUM telah berkhidmat selama 15 tahun di PBS disambut meriah dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Karim dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dr. Mohd Dino Khairri Shariffuddin.

Jamil Mat yang turut menyambut hari lahir ke 60 tahun pada hari berkenaan diraikan dalam sebuah majlis perpisahan sempena persaraan beliau yang dihadiri seluruh kakitangan PBS, Kelab Tarian Bidasari dan Kelab Muzik.

Antara pengisian program, tayangan montaj perjalanan perkhidmatan beliau selama di UUM, sesi ucapan, penyampaian cenderamata, sambutan hari lahir, sesi *click out* terakhir dan rombongan menghantar pulang ke rumah.

Dalam ucapannya, Jamil Mat berkata, beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah PBS, Huzaidy Hussain kerana mempercayai dan telah banyak memberi peluang dalam kariernya bukan sahaja di peringkat UUM malah ke peringkat antarabangsa.

"Saya berharap PBS akan terus memperjuangkan memupuk seni budaya kepada generasi muda dan dapat meneruskan kejayaan dan kecemerlangan pada masa akan datang.

Selain itu, Jamil Mat menyifatkan PBS memiliki segala kemudahan dan sumber pembelajaran yang terbaik dan ia harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga universiti terutamanya Kelab Tarian Bidasari.

"Izinkan saya menyusun sepuluh jari memohon maaf atas apa jua kekurangan dan kesilapan yang berlaku sepanjang tempoh perkhidmatan saya di sini," katanya.

"Saya berharap hubungan baik dan komunikasi yang telah terjalin antara kita akan dapat dipanjangkan lagi," tambahnya lagi.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.